

28/06/2003

Pegawai KDN sudah siasat Harakah

BAGAN SERAI: Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sudah mengarahkan pegawainya menyiasat tindakan lidah rasmi Pas, Harakah menyiarkan karikatur yang menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata siasatan sudah dijalankan dan pegawai turut mendapatkan penjelasan daripada pihak Harakah berhubung penyiaran karikatur itu.

"Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengkaji hasil siasatan itu dan jika didapati ada alasan munasabah, tindakan menggantung penerbitan akhbar terbabit akan diambil," katanya kepada pemberita di sini, kelmarin.

Harakah baru-baru ini menyiarkan karikatur yang mengaitkan khinzir dengan punca wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan masalah Sekolah Agama Rakyat (SAR) dengan Dr Mahathir yang mana lakaran wajahnya mempunyai hidung panjang, manakala namanya diganti dengan perkataan 'Mahazir'.

Berikutan penyiaran karikatur itu, ahli dan pemimpin Umno serta Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) mendesak akhbar Pas membuat kenyataan terbuka memohon maaf mengenai karikatur yang didakwa menghina Dr Mahathir.